



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA**  
**BERITA PERIKANAN HARI INI**

**13 Jun 2023  
24 Zulkaedah 1444H**

| SENARAI AKHBAR           | TAJUK  |
|--------------------------|--|
| Utusan Malaysia          | •  |
| Berita Harian            | •  |
| Harian Metro             | • Nelayan sukar ke laut, harga ikan meningkat  |
| Kosmo !                  | •  |
| Sinar Harian             | • Isu nelayan Melaka ceroboh kawasan perairan PD akan diteliti<br>• Tanam 1,000 benih karang di Pulau Bidong |
| The Star                 | •  |
| New Straits Time         | •  |
| Nanyang Siang Pau        | •  |
| Malaysia Gazette         | •  |
| Harakah                  | •  |
| Malaysiakini             | •  |
| Bernama                  | •  |
| Borneo Post<br>(Kuching) | •  |
| The Sun                  | •  |
| Sabah Media              | •  |

| JENIS AKHBAR      |         |                   |  |                |  |                   | MUKA SURAT | TARIKH       |
|-------------------|---------|-------------------|--|----------------|--|-------------------|------------|--------------|
| UTUSAN MALAYSIA   |         | KOSMO !           |  | THE STAR       |  | NANYANG SIANG PAU |            |              |
| BERITA HARIAN     |         | SINAR HARIAN      |  | THE SUN        |  | ORIENTAL DAILY    |            |              |
| HARIAN METRO      | ✓       | NEW STRAITS TIMES |  | THE MALAY MAIL |  | PELBAGAI          |            |              |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF |                   |  | NEGATIF        |  | NEUTRAL           |            | 18 13/6/2023 |

HM M/S 18 13/6/2023

## Nelayan sukar ke laut, harga ikan meningkat

**Kuala Lumpur:** Harga ikan dan hasil laut lain terus meningkat berikutan kekurangan bekalan berikutan nelayan sukar turun ke laut atas faktor keadaan ombak kuat serta angin kencang.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Chow Kit, di sini, semalam mendapati kebanyakan peniaga mendakwa terpaksa menaikkan harga jualan demi menampung kenaikan kos daripada pembekal.

Peniaga ikan, Muhammad Arif Syam, 21, berkata, dia menaikkan harga kerana pembekal juga meletakkan harga tinggi.

"Sekarang, kami menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan mencukupi dan kami menjual ikan sejuk beku bagi memenuhi permintaan.

"Untuk ikan oejuk belut, tiada peningkatan harga pada masa ini, tetapi jika ada bekalan ikan segar, kemungkinan harga mengalami kenaikan kerana bekalan terhad.

"Seperti ikan tongkol, harganya RM10 sekilogram, namun jika ikan segar harga mungkin RM13 untuk sekilogram," katanya.

Seorang lagi peniaga, Omar Mahmudi, 48, ber-



*“Sekarang, kami menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan mencukupi dan kami menjual ikan sejuk beku bagi memenuhi permintaan”*

**Muhammad Arif**

kata, dia juga mengalami kesukaran mendapatkan bekalan ikan segar.

"Jika bekalan ikan terhad, pembekal cenderung menaikkan harga sebagai tindak balas terhadap kekurangan terbabit.

"Contohnya, ikan sardin biasa saya jual RM12 sekilogram, tapi disebabkan bekalan kurang, jadi saya terpaksa jual RM14 hingga RM15 sekilogram," katanya.

Sementara itu, pembeli Hafsa Sabudin, 51, berkata, peningkatan harga ikan dan hasil laut memberi kesan terhadap perbelanjaan harian.

"Saya jual nasi lemak berlauk, sudah tentu peningkatan harga barang mentah seperti ikan, udang, ketam dan sotong memberi kesan kepada peniaga kecil seperti kami," katanya.



**HAFSAH**

| JENIS AKHBAR      |         |                   |   |                |  |                   |  | MUKA SURAT | TARIKH    |
|-------------------|---------|-------------------|---|----------------|--|-------------------|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA   |         | KOSMO !           |   | THE STAR       |  | NANYANG SIANG PAU |  |            |           |
| BERITA HARIAN     |         | SINAR HARIAN      | ✓ | THE SUN        |  | ORIENTAL DAILY    |  |            |           |
| HARIAN METRO      |         | NEW STRAITS TIMES |   | THE MALAY MAIL |  | PELBAGAI          |  |            |           |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF |                   |   | NEGATIF        |  | NEUTRAL           |  | 22         | 13/6/2023 |

5H MIS 22 13/6/2023

## Isu nelayan Melaka ceroboh kawasan perairan PD akan diteliti



Ab Rauf (tiga dari kiri) menyampaikan bayaran insentif sara hidup one-off fasa dua dan tiga kepada 316 nelayan Melaka Barat di Kompleks Japerun Tanjung Bidara di sini pada Isnin.

**ALOR GAJAH** - Kerajaan negeri Melaka belum menerima sebarang laporan berhubung dakwaan nelayan Negeri Sembilan bahawa nelayan negeri ini menceroboh kawasan perairan mereka.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, setakat ini beliau tidak dapat mengulas lanjut kerana masih menunggu laporan berkenaan memandangkan persempadanan perairan nelayan dikawal serta oleh kedua-dua jabatan perikanan di kedua-dua negeri.

"Kita belum dapat lagi laporan tentang pencerobohan ini kerana persempadanan perairan nelayan dikawal serta oleh kedua-dua jabatan perikanan negeri."

"Saya rasa isu antara dua negeri bukanlah pencerobohan kerana pen-

cerobohan ini kalau masuk negara orang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan nelayan dari tiga kampung di Port Dickson, mengenai pencerobohan nelayan Melaka yang menjelaskan tangkapan mereka.

Sebelum itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara itu menyampaikan bayaran insentif sara hidup one-off fasa dua dan tiga kepada 316 nelayan Melaka Barat di Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Japerun) Tanjung Bidara di sini pada Isnin.

Sementara itu, Exco Kembajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makarai, Dr Muhamad Akmal Saleh yang ditemui ber-

kata, sewalarnya diwujudkan perspadanannya kawasan yang lebih jelas di antara dua negeri berjiran itu bagi mengelakkan masalah limbu dan berulang seperti ini.

Menurutnya, Jabatan Perikanan negeri dan Jabatan Laut Malaysia juga akan memantau dan mencari solusi terbaik berhubung dakwaan nelayan berkenaan.

Tambah beliau, Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia turut akan memantau dan tindakan tegas akan diambil sekiranya terbukti berlaku pelanggaran kawasan.

"Kadang-kadang kita tidak boleh salahkan nelayan. Mereka ini kadang-kadang bila pasang jaring ia hanyut sampai ke sebelah. Jadi bukan niat mereka (ceroboh)," ujarnya.

| JENIS AKHBAR      |         |                   |   |                |  |                   | MUKA SURAT | TARIKH       |
|-------------------|---------|-------------------|---|----------------|--|-------------------|------------|--------------|
| UTUSAN MALAYSIA   |         | KOSMO !           |   | THE STAR       |  | NANYANG SIANG PAU |            |              |
| BERITA HARIAN     |         | SINAR HARIAN      | ✓ | THE SUN        |  | ORIENTAL DAILY    |            |              |
| HARIAN METRO      |         | NEW STRAITS TIMES |   | THE MALAY MAIL |  | PELBAGAI          |            |              |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF |                   |   | NEGATIF        |  | NEUTRAL           |            | 26 13/6/2023 |

SH m/s 26 13/6/2023

## Tanam 1,000 benih karang di Pulau Bidong

**KUALA NERUS** - Sebanyak 1,000 benih karang ditanam secara besar-besaran di Pulu Bidong di sini sebagai usaha memulihkan populasi hidupan itu di perairan negara.

Pakar penyelidik batu karang Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Tan Chun Hong berkata, usaha itu dilakukan universiti berkenaan dengan kerjasama Aquaria KLCC sebagai pemangkin pemuliharan terumbu karang berskala besar di negara ini.

Menurutnya, seramai kira-kira 40 sukarelawan tempatan, pelajar UMT dan kakitangan Aquaria KLCC terlibat dalam Ekspedisi Pemuliharaan Karang yang dijalankan sempena sambutan Hari Laut Sedunia.

"Kerjasama telah dimulakan sejak 2018. Dalam ekspedisi kali ini, kita tanam semula benih karang ini di Pulau Bidong kerana ia antara lokasi paling teruk terjejas akibat impak ribut Pabuk yang melanda pada Januari 2019."

"Pasukan penyelidik UMT akan terus memantau pertumbuhan semua benih karang



Kira-kira 1,000 karang ditanam di Pulau Bidong sempena Ekspedisi Pemuliharaan Karang sempena sambutan Hari Laut Sedunia.

yang ditanam ini secara berterusan dan berharap lebih banyak pihak tampil membantu seperti yang dilakukan Aquaria KLCC," katanya ketika dihubungi di sini pada Ahad.

Jelas beliau, Aquaria KLCC menyumbang RM200,000 kepada UMT yang merupakan satu-satunya universiti di negara ini menjalankan projek pelepasan benih batu karang secara berperingkat susulan kejayaan projek besar-besaran pada tahun lalu.

"Penanaman semula dan pelepasan benih karang secara besar-besaran turut dilakukan kumpulan penyelidik di beberapa negara lain seperti di Great Barrier Reef di Australia dan Pulau Curacao di Laut Caribbean sebagai inisiatif memulihkan ekosistem yang terjejas," katanya yang berharap usaha ini mendapat sokongan berterusan terutama daripada masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat korporat.